



Perkara **IV**

KERJASAMA INDUSTRI DAN AGENSI KERAJAAN



1. PENDEDAHAN INDUSTRI (IndEx)



Program IndEx merupakan satu program singkat yang memberi pendedahan industri kepada pelajar tahun 1 UniMAP. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam program ini adalah berbentuk taklimat, dialog dan demonstrasi. Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan telah mengadakan aktiviti dengan kerjasama daripada sektor-sektor industri kecil, firma R&D, badan-badan profesional dan badan-badan kerajaan. Program ini akan dijadikan penanda aras dalam menentukan sama ada pelajar layak untuk mengikuti program IndEnt pada tahun 2 kelak.

Objektif program ini ialah untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang bentuk pekerjaan yang bakal diceburi, membuka minda pelajar-pelajar dengan membina keyakinan diri untuk berjaya di dalam bidang yang diceburi, mempertingkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan di dalam bidang industri, membantu UniMAP di dalam melahirkan jurutera profesional yang terdidik, terlatih dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang aspek keusahawanan kejuruteraan.

Maklumat Program:

Tarikh	05 - 06 April 2014, 12 - 13 April 2014 dan 19 - 20 April 2014
Jumlah Peserta	3132 orang

Pada tahun ini, program IndEx telah berlangsung di Dewan Kapitol. Program ini dijalankan mengikut pembahagian kumpulan untuk memberi impak dan kesan yang lebih mendalam kepada pelajar.

2. KURSUS KEUSAHAWANAN TEKNOLOGI (IndEnt)



Program IndEnt merupakan satu program singkat yang memberi pendedahan keusahawanan kepada pelajar Tahun 2 UniMAP. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam program ini adalah berbentuk taklimat, dialog dan demonstrasi. Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan telah mengadakan aktiviti dengan kerjasama daripada sektor-sektor industri kecil, firma R&D, badan-badan profesional dan badan-badan kerajaan. Program ini telah dicadangkan supaya menjadi sebahagian daripada kursus Keusahawanan I yang bakal ditawarkan. Program ini juga disertai oleh pakar-pakar keusahawanan, teknopreneur-teknopreneur yang berjaya dan penasihat-penasihat pembiayaan dan logistik bagi mempertingkatkan keberkesanan program ini.

Objektif program ini ialah memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar UniMAP mengenai panduan memajukan diri sebagai usahawan di dalam bidang industri teknologi yang berasaskan kejuruteraan, membuka minda pelajar-pelajar dengan membina keyakinan diri untuk berjaya di dalam bidang yang diceburi, mempertingkatkan pandangan dan menjelaskan peluang-peluang yang disediakan di dalam bidang keusahawanan, membantu UniMAP di dalam melahirkan jurutera yang profesional yang terdidik, terlatih dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri, mendedahkan kepada pelajar tentang aspek keusahawanan kejuruteraan dan mempertingkatkan kefahaman pelajar dalam mendalami kursus Keusahawanan.

Maklumat Program:

Tarikh	16, 22 & 23 Mac 2014
Jumlah Peserta	2459 orang

Program IndEnt 2014 telah berlangsung di Dewan Kapitol yang melibatkan semua pelajar tahun 2 untuk setiap pusat pengajian. Perjalanan program bermula seawal jam 8.00 pagi sehingga jam 6 petang dan dibahagikan kepada dua sesi mengikut tahun pengajian untuk memudahkan penyampaian ceramah kepada pelajar.

3. PROGRAM LATIHAN INDUSTRI (InTra)

Latihan Industri (InTra) di Universiti Malaysia Perlis adalah merupakan salah satu kursus yang wajib diduduki oleh semua pelajar Tahun 3 UniMAP yang mana ianya adalah untuk memenuhi syarat yang telah ditentukan oleh "Board of Engineers Malaysia".

Pada tahun 2014, kod kursus yang telah ditawarkan bagi peringkat diploma - DIT361 dan peringkat ijazah - BIT190, BIT290, BIT291, EIT300 dan EIT302.

Berikut adalah Jadual Pelaksanaan Latihan Industri Program Ijazah dan Diploma yang berlangsung pada 2014.

Program	Masa	Jumlah
Ijazah	16 Jun - 7 Sep (12 minggu)	2156
Diploma	11 Nov - 7 Mac (16 minggu)	300

4. PROGRAM FINISHING SCHOOL (DIPLOMA)

Program ini merupakan satu program hasil kerjasama di antara Unit Penyelarasan Diploma dengan Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan. Aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan di dalam program ini adalah berbentuk kombinasi taklimat, pembentangan dan latihan secara berkumpulan.

Objektif

- Membantu pelajar untuk memahami konsep asas dan membuat persediaan dalam menghadiri sesi temuduga.
- Membuka minda dan keyakinan pelajar dari alam siswa ke alam pekerjaan yang bakal diceburi.
- Membantu UniMAP di dalam melahirkan siswazah yang terdidik, terlatih dan berkemampuan untuk memenuhi kehendak industri.
- Berusaha ke arah melahirkan graduan berfokuskan pembangunan insan yang seimbang dan cemerlang bagi memenuhi misi dan visi UniMAP.
- Berkongsi maklumat dan pengalaman sesama pelajar ketika menghadiri Program Latihan Industri
- Meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar

Maklumat Program

Tarikh	17 - 20 Mac 2014
Jumlah Peserta	300 orang

Program "Finishing School" peringkat Diploma ini telah berlangsung di Dewan Serbaguna Kg. Wai yang melibatkan pelajar diploma tahun akhir. Lanya berlangsung selama 4 hari dan berjalan dengan lancar sepanjang hari perlaksanaannya. Secara keseluruhannya, perjalanan program berjalan dengan baik dan lancar serta pelajar kelihatan lebih yakin untuk menuju ke alam pekerjaan yang bakal diceburi mereka.

5. PROGRAM FINISHING SCHOOL MIKROTIK

Program ini merupakan satu program pensijilan profesional yang melibatkan sejumlah 23 orang pelajar daripada pelbagai pusat pengajian. Program ini lebih ke arah kepada Pusat Kejuruteraan Komputer dan para pelajar yang menyertai program ini akan mendapat nilai tambah sekaligus membolehkan mereka menempatkan diri di alam pekerjaan.

6. APPRENTICESHIP (Dahulu Dikenali Sebagai JOB CAMP)

Program yang melibatkan dana khas daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini merupakan satu program yang dirangka bersama-sama pihak industri dalam menempatkan para pelajar di industri selepas dilatih selama 2 minggu hingga 3 bulan. Melalui program ini, ia adalah sebagai langkah-langkah atau inisiatif yang efektif di mana KPI kebolehpasaran Siswazah yang disasarkan iaitu bekerja 6 bulan selepas bergraduasi dapat dicapai. Antara program Apprenticeship yang dijalankan pada tahun 2014 adalah DreamEDGE di dalam bidang Automotive Design, CREST di dalam bidang Elektrik dan Elektronik, Bees Academy- pelbagai bidang.

7. PROGRAM CGEE2 OLEH SETIA HARUMAN

Program yang melibatkan sejumlah 5 orang pelajar daripada pelbagai PPK ini merupakan satu inisiatif program yang diusahakan daripada Setia Haruman Sdn Bhd. Program ini melibatkan kursus *softskill* yang dilaksanakan selama beberapa bulan dan di akhir program, para pelajar akan ditempatkan di syarikat-syarikat MNC seperti IBM Tech Mehendra dan lain-lain. Program ini turut disertai para pelajar daripada USM dan UUM.

8. PUSAT SEHENTI KERJAYA

Sepanjang tahun 2013 sehingga 2015 terdapat dua pusat Sehenti telah ditubuhkan di UniMAP antaranya adalah Job Kiosc daripada Job House dan juga Ind-E-Zone daripada Talentcorp Malaysia Sdn Bhd. Fungsi pusat sehenti kerjaya ini adalah bagi membantu para pelajar dalam memberikan maklumat dan pendedahan kepada dunia pekerjaan selepas bergraduasi. Selain itu juga, pusat sehenti ini juga menawarkan khidmat nasihat kerjaya bagi pelajar yang memerlukan penempatan pekerjaan dan juga khidmat bagi latihan industri. Sesi perkongsian ilmu kerjaya turut diadakan dengan menjemput panel-panel daripada pelbagai industri.

9. PROGRAM PARTNERSHIP BERSAMA WESTERN DIGITAL

Program yang dilaksanakan semenjak tahun 2010 ini adalah program kerjasama antara UniMAP dan Western Digital bagi memberi pengalaman pekerjaan semasa cuti hari raya Aidilfitri kepada para pelajar daripada pelbagai Pusat Pengajian Kejuruteraan. Jawatan yang ditawarkan adalah operator pengeluaran dan dengan melalui pengalaman selama 3 bulan ini membolehkan para pelajar mendapat suasana di dalam dunia pekerjaan yang sebenar.

10. KARNIVAL KERJAYA EdGE 2014

Karnival Kerjaya UniMAP diadakan sepanjang tahun bermula sejak tahun 2007 lagi. Program yang dikenali sebagai Exposure Day for Graduate Employability (EdGE) ini merupakan satu program di mana seluruh pelajar tahun akhir akan turut serta dalam mendapatkan pekerjaan dan mendapat pendedahan yang merangkumi skop pekerjaan.

Pada tahun 2014, program ini berlangsung selama 4 hari bermula 15-18 Mac 2014 dengan penyertaan lebih 20 agensi kerjasama dan syarikat multinasional.

11. PROGRAM FINISHING SCHOOL (DEGREE)

Program ini dilaksanakan setiap tahun yang menfokuskan kepada pelajar tahun akhir setiap Pusat Pengajian. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk memberi persiapan kepada para pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar setelah bergraduasi. Antara pengisian di dalam program ini adalah penulisan resume, komunikasi dan lain-lain.

PERUNDINGAN

- i) Perkhidmatan Latihan Akademik dan Teknikal
 - a. Kursus
 - b. Bengkel
 - c. Seminar
- ii) Perkhidmatan Pengurusan Kemudahan
 - a. Sewaan peralatan
 - b. Kerja pengujian
- iii) Perkhidmatan Nasihat Pakar
 - a. Analisis
 - b. Rekabentuk
 - c. Laporan
- iv) Penyelidikan Kontrak



Berikut dilampirkan senarai aktiviti konsultansi yang dijalankan sepanjang tahun 2014

Aktiviti: Consultancy Service: Topographic Analysis on Solder Materials (RSO2) By Using Scanning Electron Microscope
Penganjur: PPK Bahan
Tarikh: November 2013 – April 2014
Ketua Projek: Shaiful Rizam bin Shamsudin
Kos Projek: RM1,700.00
Keuntungan: RM340.00

Aktiviti: Consultancy Service: Topographic Analysis on Solder Materials (RSO2) By Using Scanning Electron Microscope
Penganjur: PPK Bahan
Tarikh: November 2013 – April 2014
Ketua Projek: Dr. Mazlee bin Mohd Noor
Kos Projek: RM600.00
Keuntungan: RM120.00

Aktiviti: Consultancy Service: Agilent - UniMAP Development Program (AUDP) 6 Semester 1
Penganjur: Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan & Agilent Technologies (M) Sdn. Bhd.
Tarikh: 09 Nov 2013 – 30 Mac 2014
Ketua Projek: Che Ku Kairulazam bin Che Ku Abdullah
Kos Projek: RM76,836.00
Keuntungan: RM15,367.00

Aktiviti: Consultancy Service: Sistem Maklumat Sukan (SUKIPT 2014)
Penganjur: Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
Tarikh: 01 April – 30 Sept 2014
Ketua Projek: Nasrudin bin Abd Shukur
Kos Projek: RM500,000.00
Keuntungan: RM100,000.00

Aktiviti: Short Course: Bengkel Thermoplastic Foams : Fundamental and Production
Penganjur: Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
Tarikh: 26 Mac – 01 April 2014
Ketua Projek: Dr. Du Ngoc Uy Lan
Kos Projek: RM14,283.48
Keuntungan: RM2,856.70

Aktiviti: Short Course: Kursus Jangka Pendek Pencirian dan Pengujian Bahan Polimer Untuk Pelajar diploma KKM Masjid Tanah Melaka
Penganjur: Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
Tarikh: 26 Mac – 01 April 2014
Ketua Projek: Murizam bin Darus
Kos Projek: RM24,252.00
Keuntungan: RM4,850.00

Aktiviti: Consultancy Service: Agilent - UniMAP Development Program (AUDP) 6 Semester 2
Penganjur: Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan & Agilent Technologies (M) Sdn. Bhd
Tarikh: 19 April – 19 Julai 2014
Ketua Projek: Che Ku Kairulazam bin Che Ku Abdullah
Kos Projek: RM76,836.00
Keuntungan: RM15,367.20

Aktiviti: Short Course: Kursus MS ACcess Beginner
Penganjur: Anjung UniMAP Kulim
Tarikh: 27 Jun 2014
Ketua Projek: Sharifah Husna Bt Syed Idrus
Kos Projek: RM1,82500
Keuntungan: RM180.00

Aktiviti: Short Course: Kursus Pemantapan Audit Dalaman MS ISO 9001:2008
Penganjur: Anjung UniMAP Kulim
Tarikh: 24 – 25 April 2014
Ketua Projek: Sharifah Husna Bt Syed Idrus
Kos Projek: RM3,924.00
Keuntungan: RM384.00

Aktiviti: Short Course: Kursus pendidikan berterusan khas untuk satu jenis klien "Finishing School For Polytechnics Graduate – Rapid Prototype Additive Manufacturing"
Penganjur: PPK Mekatronik
Tarikh: 15-19 November 2013
Ketua Projek: Shah Fenner Khan bin Mohamad Khan
Kos Projek: RM9,000.00
Keuntungan: RM1,800.00

Aktiviti: Consultancy Service: Topographic Analysis (RS02) By Using Scanning Electron Microscope PPK Bahan - UiTM Arau
Penganjur: PPK Bahan
Tarikh: November 2013 – Ogos 2014
Ketua Projek: Dr. Mazlee bin Mohd Noor
Kos Projek: RM400.00
Keuntungan: RM80.00

Aktiviti: Short Course: Kursus MS Access 2010 (Beginner)
Penganjur: Anjung UniMAP Kulim
Tarikh: 25 September 2014
Ketua Projek: Sharifah Husna Bt Syed Idrus
Kos Projek: RM3,500.00
Keuntungan: RM1,897.00

Aktiviti: Consultancy Service: Topographic Analysis (RS04) By Using Scanning Electron Microscope PPK Bahan - UiTM Arau
Penganjur: PPK Bahan
Tarikh: April 2014 – Ogos 2014
Ketua Projek: Shaiful Rizam bin Shamsudin
Kos Projek: RM400.00
Keuntungan: RM80.00

Aktiviti: Consultancy Service: Topographic Analysis (NFS30) By Using Scanning Electron Microscope, Sintering Ceramic Sample (HDM05) By Using 1600C Chamber Furnace dan TG/DTA Analysis (HFZ01) for UiTM Perlis Research PPK Bahan - UiTM Perlis
Penganjur: PPK Bahan
Tarikh: Mac 2013 – Julai 2013
Ketua Projek: Shaiful Rizam bin Shamsudin
Kos Projek: RM1,480.00
Keuntungan: RM296.00



Aktiviti: Consultancy Service: Fabrication on MEMS Sensor Using Ambience Technology

Penganjur: Ambience UniMAP

Tarikh: 10 – 11 April 2014

Ketua Projek: Prof. Madya Dr. Yufridin bin Wahab

Kos Projek: RM5,000.00

Keuntungan: RM200.00

Aktiviti: Short Course: Kursus MS Excel 2010 (Pertengahan)

Penganjur: Anjung UniMAP Kulim

Tarikh: 30 Oktober 2014

Ketua Projek: Sharifah Husna Bt Syed Idrus

Kos Projek: RM2,365.00

Keuntungan: RM270.00

Aktiviti: Consultancy Service: Konsultasi Sistem Pertandingan dan Pengkalan Data Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM 2014)

Penganjur: Pusat Teknologi Maklumat (ICT)

Tarikh: April – Oktober 2014

Ketua Projek: Nasrudin bin Abd. Shukor

Kos Projek: RM70,000.00

Keuntungan: RM14,000.00

Aktiviti: Testing Service: Program Pengujian 'Ujian Kekuatan Tegangan Bar Tetulang Keluli PPK Bahan - Zatikimia

Penganjur: PPK Bahan

Tarikh: 10 - 21 Jan 2014

Ketua Projek: Dr. Mazlee bin Mohd Noor

Kos Projek: RM360.00

Keuntungan: RM72.00

Aktiviti: Testing Service: Program Pengujian Ujian Kekuatan Tegangan Bar Tetulang Keluli PPK Bahan - Perfect Method

Penganjur: PPK Bahan

Tarikh: 10 Jan – 21 Jan 2014

Ketua Projek: Dr. Mazlee bin Mohd Noor

Kos Projek: RM360.00

Keuntungan: RM72.00

Aktiviti: Testing Service: Program Pengujian Program Pengujian 'Ujian Kekuatan Tegangan Bar Tetulang Keluli' PPK Bahan - Bumi Mastika Enterprise

Penganjur: PPK Bahan

Tarikh: 7 - 15 November 2013

Ketua Projek: Dr. Mazlee bin Mohd Noor

Kos Projek: RM540.00

Keuntungan: RM108.00

Aktiviti: Testing Service : Program Pengujian Program Pengujian 'Ujian Kekuatan Tegangan Bar Tetulang Keluli' PPK Bahan - Muara Andaman Construction

Penganjur: PPK Bahan

Tarikh: 6 – 15 November 2013

Ketua Projek: Dr. Mazlee bin Mohd Noor

Kos Projek: RM480.00

Keuntungan: RM96.00

Aktiviti: Testing Service: Dynamic Mechanical Analysis & Scanning Electron Microscopy Analysis

Penganjur: PPK Bahan

Tarikh: September 2013 – Oktober 2013

Ketua Projek: Dr. Mazlee bin Mohd Noor

Kos Projek: RM2,300.00

Keuntungan: RM460.00

Aktiviti: Testing Service: Program Menaiktaraf Jeti dan Bangunan Terminal, Pembinaan Bangunan CIQ dan Jeti Baru di Jeti Kuah, Langkawi

Penganjur: PPK Bahan

Tarikh: 13 – 21 Mac 2014

Ketua Projek: Mohammad Tamizi Selimin

Kos Projek: RM744.00

Keuntungan: RM124.00



